

**TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA PROGRAM TAKLIMAT WARIS
MINGGU SUIKENAL SESI 2018/19
27 OGOS 2018**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI DIRAJA

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Patik merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Tuanku berdua meluangkan masa bercemar duli berangkat hadir ke Majlis Taklimat Waris bersempena pendaftaran siswa siswi baharu sesi kemasukan 2018/2019.

Sesungguhnya keberangkatan Duli-duli Tuanku ke majlis pagi ini menunjukkan sokongan dan keprihatinan Duli-duli Tuanku terhadap perkembangan UniMAP dan pastinya memberi satu suntikan semangat baharu buat patik seluruh warga UniMAP sekalian di hari yang penuh bermakna pada hari ini.

Sesungguhnya patik dan semua hadirin pada hari ini amat gembira dengan keberangkatan hadir Duli-duli Tuanku kerana turut sama memeriahkan dan mewarnakan Majlis Taklimat Waris pada pagi ini.

Ampun Tuanku, patik mohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk memberi sepatah dua kata kepada para hadirin.

Ampun Tuanku.

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil media,

Yang dihormati para ibu bapa dan waris pelajar, serta anak-anak mahasiswa mahasiswi yang dikasihi sekalian.

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Azza Wajjalla kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersua dalam Sesi Taklimat Waris Sempena Minggu Suai Kenal (MSK) UniMAP Bagi Sidang Akademik 2018/2019.
2. Setinggi-tinggi penghargaan di atas kehadiran semua ibu bapa pada hari ini tidak kira jauh mahupun dekat. Sesungguhnya, kepercayaan tuan-tuan dan puan-puan memilih UniMAP sebagai universiti awam untuk anak-anak adalah amat kami hargai.
3. Justeru di kesempatan ini, saya dan warga UniMAP mengucapkan Selamat datang ke UniMAP dan negeri Perlis! Warga UniMAP amat mengalu-

alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke UniMAP kerana bukan sahaja dapat mengenali UniMAP dengan lebih dekat, tuan-tuan dan puan-puan juga berpeluang melawat negeri Perlis yang permai lagi mempersona ini.

4. Alhamdulillah, untuk makluman semua pada hari ini kita menerima mahasiswa baru yang mendaftar mengikuti 38 program yang ditawarkan 11 Pusat Pengajian. Sebanyak **2,625 tempat** ditawarkan, dengan pecahan **1,296 mahasiswa dan 1,329 mahasiswi** tidak termasuk penawaran **128 tempat kepada mahasiswa/i antarabangsa.**

5. Daripada jumlah tawaran ini, enrolmen mahasiswa/i dari negeri Kedah mencatat jumlah tertinggi iaitu 538 orang diikuti 419 dari Pulau Pinang, Perak (407), Selangor (298), Kelantan (195), Johor (162), Terengganu (112), dan Pahang (108). Manakala mahasiswa/i dari negeri Perlis sendiri pula adalah seramai 92 orang, dan selebihnya dari negeri-negeri yang lain.

6. Jumlah ini dijangka bakal meningkat lagi sekitar 300 mahasiswa/i selepas ini kerana pihak UniMAP akan menawarkan tempat bagi ambilan kedua.

7. Saya juga dimaklumkan pada sesi kali ini anak Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia Dato' Indera Subromaniam Tholasy iaitu Kishann turut melapor diri mengikuti pengajian di UniMAP dalam bidang Kejuruteraan Fotonik. Terima kasih kerana memilih UniMAP.

8. Di kesempatan ini juga, izinkan saya bercerita serba sedikit mengenai universiti yang akan membuatkan mahasiswa/i jatuh hati selepas ini. Untuk pengetahuan semua, UniMAP ditubuhkan pada Julai 2001 dengan nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dengan pengambilan pertama pelajar pada Jun 2002 sebelum dijenamakan semula kepada

UniMAP pada Februari 2007. UniMAP adalah Universiti Awam ke-17 di Malaysia.

9. Namun, walaupun usia UniMAP masih dalam kategori muda, tuan-tuan dan puan-puan tidak perlu berasa bimbang kerana universiti ini telah mencatat pelbagai kejayaan yang membanggakan dalam pelbagai aspek terutama dalam bidang penyelidikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

KAMPUS UniMAP

10. Untuk makluman ibu bapa semua, walaupun UniMAP masih belum sepenuhnya beroperasi di kampus Pauh Putra ini, namun UniMAP sudah mempunyai prasarana yang cukup lengkap dan canggih untuk kemudahan pelajar secara keseluruhannya merangkumi aspek akademik, sukan, riadah, kesihatan dan penyelidikan.

Buat masa ini, Kampus UniMAP dipusatkan di 3 lokasi utama iaitu :

- Kampus Pauh Putra - Lokasi di mana kita berada sekarang. Kampus ini dikhususkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang mana ia turut menyediakan prasarana seperti perpustakaan yang diiktiraf sebagai antara yang tercantik -Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP), litar bertaraf antarabangsa, Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra yang membolehkan anak-anak bersukan dan beriadah dengan selesa, kemudahan makmal, cafe, bilik dan dewan kuliah yang selesa serta kondusif, surau serta

Pusat Kesihatan UniMAP. Beberapa pembangunan masih lagi berlangsung dan salah satu darinya ialah bangunan Canselori.

- Kampus Unicity Alam yang terletak di Padang Besar. Kampus ini difokuskan kepada pelajar-pelajar Pusat Pengajian Diploma, pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan dan dilengkapi dengan perpustakaan digital serta kemudahan kolej kediaman. Turut berada di kampus Unicity ialah Institut Agroteknologi Lestari yang kini menjadi pusat penyelidikan UniMAP dalam bidang agroteknologi dengan pengkhususan kepada penyelidikan harum manis.
- Kampus Bandar di Kangar pula menempatkan pusat pengajian aliran perniagaan dan komunikasi media baharu. Namun menyedari keperluan pelajar, perpustakaan Mini UniMAP turut ditempatkan di Bangunan KWSP di Kangar bagi memudahkan pelajar mendapatkan bahan rujukan yang perlu. Ingin saya tekankan, meskipun berada di lokasi yang pelbagai, Perpustakaan UniMAP menyediakan kemudahan rujukan secara dalam talian yang boleh dicapai dari semua lokasi.

11. Kesemua prasarana ini dibangunkan bagi menawarkan **enam** program diploma, **21** program sarjana muda kejuruteraan, **satu** program perniagaan antarabangsa, **satu** program keusahawanan kejuruteraan, **satu** program komunikasi media baharu, dan **15** program **Teknologi Kejuruteraan**. Malah, universiti ini juga mendapat pengiktirafan **LIMA** bintang berdasarkan penarafan QS Star bagi semua kemudahan infrastruktur yang disediakan ini.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

KAMPUS HIJAU UniMAP

12. Untuk makluman semua,

Hadirin dan hadirat sekalian,

MINGGU SUAI KENAL DAN BANTUAN PELAJAR

13. Sepertimana UA yang lain, UniMAP melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) turut mengadakan program Minggu Suai Kenal 2017 bermula hari ini sehingga 30 Ogos ini khas buat pelajar baru dengan pengisian-pengisian yang dapat membantu kelancaran urusan sepanjang pengajian anak-anak di sini. Selain itu, ia bertujuan memberi pendedahan kepada anak-anak siswa/i mengenai fasa kehidupan baru mereka di sini, yang akan berdikari sendiri kerana kebanyakannya bakal berjauhan dari tuan-tuan dan puan-puan selepas ini.

14. Dari segi bantuan pembiayaan kewangan bagi mengikuti pengajian di UniMAP, selain daripada PTPTN, MARA atau JPA, UniMAP turut menawarkan bantuan pembiayaan menerusi sistem e-Tabung yang membolehkan pelajar memohon Tabung Amanah Zakat, Tabung Endowment, dan Tabung Amanah Khas di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Sekiranya anak-anak siswa/i memerlukan maklumat dan bantuan sepanjang berada di UniMAP, usahlah segan silu. Berkunjunglah ke pejabat Hal Ehwal Pelajar bagi mendapatkan maklumat dan pertolongan yang dikehendaki.

15. Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi yang berbahagia ini saya dan seluruh warga UniMAP sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas kepercayaan tuan-tuan dan puan-puan serta anak-anak siswa/i memilih UniMAP sebagai destinasi UA bagi melanjutkan

pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda. Percayalah, kami semua di UniMAP akan berusaha sedaya upaya memastikan anak-anak siswa/i mengikuti pengajian di sini mendapat ilmu sebaiknya sepertimana harapan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Semoga dengan izinNya kita dapat bertemu kembali empat tahun akan datang ketika Istiadat Konvokesyen anak-anak siswa/i, yang skrol ijazah mereka akan disampaikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor dan DYTM Tuanku Pro Canselor UniMAP. InsyAALLAH. Akhir kata, semoga perjalanan pulang tuan-tuan dan puan-puan selamat tiba di destinasiya.

PENUTUP

Ampun Tuanku,

Demikian sahaja sembah ucapan patik. Sekali lagi patik sekalian dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli Tuanku Berdua menyokong UniMAP dalam semua aspek. Limpah perkenan Duli-duli Tuanku telah banyak membantu patik sekalian dalam meneruskan pembangunan cemerlang dan mencapai kejayaan yang terbilang UniMAP. Kasih sayang yang ditunjukkan Duli-duli Tuanku terhadap patik semua ini tidak akan terbalas jasanya oleh patik sekalian.

Menjunjung kasih Duli-duli Tuanku.

Patik sudahi dengan Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.